

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI
NEGERI KELANTAN TAHUN 2021**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kelantan Tahun 2021. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

- a. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan telah dikemukakan untuk diaudit pada 11 Januari 2022.
- b. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 Tanpa Teguran telah ditandatangani pada 31 Mei 2022.
- c. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 2021 adalah stabil berdasarkan Matriks Kedudukan Kewangan Tahun 2021.
- b. Kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM26.49 juta atau 3.5% menjadi RM773.48 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak RM24.32 juta atau 3.5% menjadi RM725.87 juta pada tahun 2021 berbanding RM701.55 juta pada tahun 2020.

- c. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan surplus semasa sebanyak RM47.61 juta. Surplus pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM2.17 juta atau 4.8% berbanding surplus RM45.44 juta pada tahun 2020. Defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan menurun kepada RM137.57 juta atau 25.7% berbanding defisit RM185.18 juta pada tahun 2020.
- d. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan penurunan sebanyak RM370.94 juta atau 62.2% menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM225.75 juta berbanding RM596.69 juta pada tahun 2020. Akaun Pinjaman Disatukan meningkat sebanyak RM365.50 juta atau 100% pada tahun 2021 berbanding berbaki sifar pada tahun 2020. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM453.68 juta, iaitu meningkat sebanyak RM42.17 juta (10.2%) berbanding RM411.51 juta pada akhir tahun 2020.
- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM16.70 juta atau 3.6% daripada RM465.01 juta pada tahun 2020 kepada RM481.71 juta pada tahun 2021. Baki pelaburan meningkat sebanyak RM10,000 atau 0.1% daripada RM7.20 juta pada tahun 2020 kepada RM7.21 juta pada tahun 2021. Jumlah Hutang Awam meningkat sebanyak RM11.13 juta atau 1.4% menjadi RM830.30 juta berbanding RM819.17 juta pada tahun 2020.

1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 21 agensi negeri yang terdiri daripada lapan Badan Berkanun Negeri (BBN), satu Majlis Agama Islam (MAI) dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b. Kesemua lapan BBN, satu MAI dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Sebanyak 18 daripada 20 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2022. Manakala satu PBT masih belum mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan sehingga 31 Ogos 2022.
- c. Setakat 31 Ogos 2022, hanya 12 penyata kewangan agensi negeri telah disemak dan disahkan. Sebanyak sembilan penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran iaitu Majlis Daerah Tanah Merah, Majlis Daerah Ketereh,

Majlis Daerah Machang, Majlis Daerah Dabong, Majlis Daerah Tumpat, Majlis Daerah Pasir Mas, Majlis Sukan Negeri Kelantan, Yayasan Islam Kelantan dan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Manakala tiga penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Berteguran iaitu Yayasan Kelantan Darulnaim, Perbadanan Stadium Negeri Kelantan dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan. Bagaimanapun, lapan penyata agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 masih belum disahkan.

- d. Sebanyak 19 penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 5 Disember 2021, 29 Mac 2022 dan 18 Julai 2022. Bagaimanapun, penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Kelantan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak dikehendaki oleh Akta Tubuh.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak lapan syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Enam syor kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan dua syor kepada agensi negeri.